

08 MAY 1996

Parlimen-Bahas

PENEKANAN TERHADAP KEMELAYUAN BERTENTANGAN PENGWUJUDAN BANGSA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Ahli parlimen Keningau, Datuk Joseph Pairin Kitingan hari ini berkata penekanan terhadap "Kemelayuan" adalah bertentangan dengan tujuan mengwujudkan bangsa Malaysia.

"Bahasa Malaysia sekarang bukan lagi bahasa Malaysia tetapi bahasa Melayu. Siapa tidak tahu bahasa Malaysia berasaskan bahasa Melayu dan begitu juga bahasa Indonesia.

"Adakah kita mahu tekankan pengwujudan bangsa Malaysia atau bangsa Melayu," tanya beliau semasa membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) di Dewan Rakyat di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan usul RMK7 pada Isnin lepas.

Pairin berkata tiba masa rakyat Malaysia memikirkan dengan baik perkara ini kerana masyarakat yang diinginkan ialah yang tenang, bersefahaman, bertoleransi dan penyayang serta bersatu padu.

Beliau yang juga Presiden Parti Bersatu Sabah (PBB) berkata sampai masa semua parti politik perkauman, sebelum abad ke-21, bertukar menjadi parti politik berbilang bangsa Malaysia yang teguh dan berterusan.

Pairin juga menyarankan kerajaan supaya memberi keutamaan kepada eksport daripada import dan cuba "perlahankan" kepesatan pembangunan negara kerana jika negara cepat membangun tetapi tidak mampu menampung kemudahan infrastruktur ia akan menjejaskan ekonomi Malaysia.

Sambil menyuarakan sokongan terhadap Rancangan Pembangunan itu, Pairin berharap pelaksanaan rancangan pembangunan itu nanti tidak berasaskan parti politik tetapi keperluan rakyat Malaysia terutama di Sabah.

Beliau juga berkata walaupun lebih RM4,000 juta diperuntukkan kepada Sabah di bawah Rancangan Pembangunan sekarang, namun ia masih belum mencukupi memandangkan ada banyak lagi pembangunan yang harus dibawa ke negeri itu.

Beliau berkata, dalam rancangan Malaysia ke-Enam kerajaan hanya dapat membina 12 buah sekolah daripada 67 buah yang dirancang.

Beliau juga berharap kerajaan memberi tumpuan mengatasi kemasukan pendatang tanpa izin ke negeri itu yang kini berjumlah lebih 500,000 orang.

Beliau juga meminta kerajaan supaya menambah kakitangan dan pegawai Jabatan Imigresen di Sabah bagi mengatasi masalah "pengundi hantu" yang didakwa terdapat dalam senarai pendaftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya.

Sementara itu seorang anggota Parlimen dari Sarawak mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula peruntukkan yang diberi kepada Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) iaitu sebanyak RM4,500 juta, memandangkan pembangunan negeri itu jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri lain.

Rohani Abdul Karim (BN-Santubong) berkata memandangkan negeri itu ketinggalan berbanding negeri lain, kerajaan negeri telah memohon RM11,580 ribu juta.

"Peruntukan yang diberi harus mengambil kira kedudukan pembangunan di Sarawak termasuk pembangunan infrastruktur.

"Pertumbuhan ekonomi Sarawak tahun lepas ialah 6.8 peratus berbanding tahap pertumbuhan negara 8.4 peratus manakala kadar kemiskinan negeri itu ialah 17 peratus berbanding kadar negara 8.8 peratus," katanya.

Menyentuh mengenai sektor pelancongan, beliau mencadangkan supaya Penerbangan Malaysia (MAS) menambah penerbangan ke Kuching.

Encik Chang See Ten (BN-Gelang Patah) pula mencadangkan supaya kerajaan mengusahakan rancangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang

teknologi maklumat jika negara ingin menjadi pembekal dan pemaju dalam bidang itu.

"Kita tidak boleh mengharapkan hasil penyelidikan negara lain tetapi mesti mengusahakannya sendiri," kata beliau.

Beliau juga mencadangkan supaya kursus berkaitan teknologi maklumat diperbanyakkan di institusi pengajian tinggi dan sukatan pelajarannya disusun supaya dapat memupuk minat pelajar mengetahui cara mana menghasilkan sesuatu produk teknologi maklumat dan bukannya terhad kepada bagaimana menggunakan kemudahan itu.

Karpal Singh (DAP-Jelutong) pula menimbulkan persoalan mengenai projek pembangunan Tanjung Batu Condominium Beach Resort di Bintulu yang diberikan kepada adik Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang dikatakan tidak dilakukan dengan adil.

Lady Aishah Mahmud Fairbank menerima lebih keistimewaan seperti kemudahan pinjaman bank kerana kedudukannya sebagai adik kepada Abdul Taib, katanya.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) berkata rakyat di Sarawak merasa sedih dan marah terhadap Anggota Parlimen Jelutong, Encik Karpal Singh kerana mengungkitkan perjanjian 20 perkara serta menyamakan negeri itu dengan Quebec, Kanada yang telah membuat dua pungutan suara untuk keluar dari Kanada.

Katanya, rakyat di Sarawak tidak pernah membangkit atau membuat apa jua tindakan, pentadbiran, politik atau apa sahaja yang boleh menjejaskan kedudukan Sarawak dalam Malaysia.

Menurutnya, orang Sarawak sendiri tidak pernah membangkitkan perkara itu kerana mereka tahu segala hak, keutamaan dan batasannya.

Katanya, kerajaan perlu berjaga-jaga kerana orang-orang yang sudah bangkrup politik dan agenda akan membuat apa sahaja untuk kepentingan politik terutama sekali jika ada angin pilihan raya akan diadakan.

Persidangan disambung esok. -- BERNAMA

ARA AHH